

PELOPOR TEORI MAQASID SYARIAH

Abu al-Ma'ali al-Juwayni, Iran
(419-478 H/1028-1085 M)

Al-Ghazali, Iran
(450-505 H/1058-1111 M)

Izz al-Din Abd al-Salam, Syria
(577-660 H/ 1181-1262 M)

Shihab al-Din al-Qarafi, Mesir
(626-684 H/ 1228-1285 M)

Shams al-Din Ibn Qayyim, Syria
(691-748 H/1292-1347 M)

Abu Ishaq al-Shatibi, Sepanyol
(720-790 H/1320-1388 M)

Al-Tahir Ibn Ashur, Tunisia
(1296-1393 H/1879-1973 M)

Allal al-Fasi, Maghribi
(1328-1394 H/1910-1974 M)

Abdullah Bin Bayyah, Mauritania
(1354 H-Kini/1935 M-Kini)

Al-Raysuni, Maghribi
(1372 H-Kini/1953 M-Kini)

Jasser Auda, Mesir
(1386 H-Kini/1966-Kini)



BAHAGIAN MAQASID SYARIAH
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
Aras 9, Blok A, Kompleks Islam Putrajaya,
No. 23, Jalan Tunku Abdul Rahman,
Presint 3, 61200 Putrajaya.

No. Tel : 03-8870 7843

www.islam.gov.my



INFO RINGKAS MAQASID SYARIAH

Sejagat . Inklusif . Progresif



MAKSUD MAQASID SYARIAH DI KALANGAN PARA ULAMA

Al-Ghazali pula menyatakan, "Kami maksudkan dengan maslahah ialah memelihara objektif syarak. Objektif syarak daripada penciptaan ialah lima perkara iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta mereka. Justeru setiap perkara yang mengandungi elemen pemeliharaan terhadap lima asas ini maka ia adalah maslahah. Dan setiap perkara yang meluputkan asas-asas ini adalah mafsadah, dan menggugurkan mafsadah merupakan satu maslahah."

(Al-Mustasfa, 1413 H : 174)

Al-Raysuni mendefinisikan Maqasid Syariah sebagai, "Matlamat-matlamat yang menjadi sebab Syariat diturunkan demi kemaslahatan hamba-hamba." (Nazariyyah Al-Maqasid Inda al-Imam al-Syatibi, 1415H : 19)

Abd al-Aziz ibn Abd al-Rahman ibn Ali pula mendefinisikan Maqasid Syariah sebagai "Kemaslahatan-kemaslahatan hamba yang diambil kira oleh Syarak dalam pensyariatan hukum, sama ada secara umum atau khusus, sama ada perkara-perkara yang membawa manfaat kepada mereka atau mengelak keburukan daripada mereka."

('Ilm Maqasid al-Syar'i, 1423H : 21)

KESIMPULAN

MAKSUD MAQASID SYARIAH ADALAH OBJEKTIF ATAU MATLAMAT UTAMA YANG DIBAWA OLEH SYARIAT ISLAM DEMI KEBAIKAN DAN KEPENTINGAN SEJAGAT.

3 KATEGORI MASLAHAH DALAM MAQASID SYARIAH

1) **Maslahah Dharuriyyah**
(Keperluan Asas)

2) **Maslahah Hajiyah**
(Kemudahan dan Kelapangan)

3) **Maslahah Tahlisiyyah**
(Kesempurnaan)

5 PRINSIP DHARURIYYAH MAQASID SYARIAH

- 1. Menjaga Agama
- 2. Menjaga Nyawa
- 3. Menjaga Akal
- 4. Menjaga Keturunan
- 5. Menjaga Harta

TERAS MAQASID SYARIAH

1. Memelihara kestabilan sistem kehidupan manusia dan mengekalkan kebaikan padanya.
2. Bertoleransi dan adil.
3. Sentiasa melakukan proses pembaikan dan penambahbaikan secara berterusan dalam segenap aspek kehidupan, individu, masyarakat dan negara.

KEPENTINGAN MAQASID SYARIAH DALAM TADBIR URUS NEGARA

1. Memberikan fleksibiliti dalam urusan pentadbiran sejajar dengan kemaslahatan.
2. Menghasilkan tindakan-tindakan yang berpandangan jauh yang membawa kepentingan kepada negara dan rakyat.
3. Menyerlahkan kesempurnaan Islam dan kesejagatian.



ADAKAH MAQASID SYARIAH
INI SESUAI DAN MEMBERI
KEBAIKAN UNTUK SEMUA?

SUDAH PASTI! Kerana:

1. Ia menjaga hak asasi seseorang manusia, masyarakat dan negara selaras dengan undang-undang dan Perlembagaan Persekutuan.
2. Ia merupakan nilai-nilai baik yang boleh diterima oleh semua agama dan bangsa.
3. Matlamat utamanya adalah untuk menjaga KEBAIKAN DAN MENOLAK SEGALA KEBURUKAN.